

BAB EMPAT

MAF'UL MA'AH

4.0. Pengenalan

Bab ini membicarakan tentang definisi maf'ul ma'ah serta kedudukan huruf waw (و) sebelum maf'ul ma'ah. Seterusnya disentuh juga bentuk ayat yang datang sebelum maf'ul ma'ah dan fungsi maf'ul ma'ah. Berikutnya penulis turut membicarakan agen yang menasabkan maf'ul ma'ah. Dalam membicarakan agen yang menasabkan maf'ul ma'ah penulis mengemukakan pendapat ahli nahu Basrah dan ahli nahu Kufah tentang permasalahan ini. Penulis bersependapat dengan ahli nahu Basrah dalam permasalahan ini. Seterusnya penulis turut menyentuh keadaan maf'ul ma'ah.

4.1 Definisi

Maf'ul ma'ah adalah kata nama yang dimansubkan, disebut selepas partikel waw (و) yang membawa makna bersama-sama.¹ Waw ini adalah

¹ al-Ra'iniy, ms. 364; al-Jurjaniy, ms. 225.

waw al-ma‘iyyah (وَأُو۟لَآئِكَ مَعَآئِهِمْ).¹ Ia menerangkan siapa atau apa yang menyertai pelaku semasa kata kerja dilakukan. Kata nama ini bukanlah pelaku, tetapi ia sekadar mendampingi pelaku kata kerja semasa kata kerja tersebut dilakukan.²

Partikel waw (وَ) yang mendahului maf‘ul ma‘ah hendaklah membawa makna pendampingan³ (الْمُصَاحِبَةُ). Contohnya إِسْتَوَى الْمَاءُ وَالْحَشْبَةَ⁴ (Paras air menyamai paras kayu (yang menjadi pengukurnya)). Yang dimaksudkan dengan paras di sini ialah sama ada paras air di sungai ataupun di dalam kolam yang besar. Kata nama (الْحَشْبَةَ) adalah maf‘ul ma‘ah. Kata nama (الْحَشْبَةَ) ini bukanlah pelaku kepada kata kerja (إِسْتَوَى) bersama-sama dengan pelakunya iaitu kata nama (الْمَاءُ). Tetapi ia sekadar mendampingi kata nama (الْمَاءُ) sahaja iaitu semasa berlakunya kata kerja (إِسْتَوَى).

Kadangkala ayat yang mendahului maf‘ul ma‘ah tidak mengandungi kata kerja tetapi mengandungi kata nama yang membawa makna kata kerja

¹ ‘Abd al-Salam Muhammad Harun, ms. 80 dan 175.

² Li. ‘Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 304.

³ Babsiy, Juz. 2, ms. 1045.

⁴ Amin ‘Abdullah Salim, ms. 178.

seperti أَنَا سَائِرٌ وَالنَّيْلُ¹ (Aku berjalan seiring Sungai Nil). Kata nama (النَّيْلُ) adalah maf'ul ma'ah. Kata nama (النَّيْلُ) ini bukanlah pelaku kepada kata nama (سَائِرٌ) yang membawa makna kata kerja (سَارَ). Tetapi ia sekadar mendampingi kata ganti nama (أَنَا) semasa berlakunya perjalanan tersebut.

Sekiranya partikel waw (وَ) yang mendahului kata nama tidak membawa makna pendampingan, malah membawa makna gandingan (الْعَطْفُ), maka kata nama selepas daripada huruf waw tidak boleh menjadi maf'ul ma'ah. Contohnya أَكَلْتُ مَوْزَةً وَبُرْتُقَالَةً² (Aku makan pisang dan oren). Kata nama (بُرْتُقَالَةً) tidak boleh menjadi maf'ul ma'ah. Ini adalah disebabkan huruf waw yang mendahului kata nama (بُرْتُقَالَةً) membawa makna gandingan. Sebagai buktinya ayat di atas boleh berbunyi أَكَلْتُ بُرْتُقَالَةً³ (Aku makan oren) sahaja tanpa mencatitkan makna.

¹ al-Fakihiy, ms. 357;

² Babtiy, Juz. 2, ms. 1045.

³ Ibid.

4.2. Fungsi Maf'ul Ma'ah

Ia menerangkan perbezaan partikel waw (وَ) yang membawa makna pendampingan (الْمُصَاحِبَةُ) dengan partikel waw (وَ) yang membawa makna gandingan (الْعَطْفُ). Contohnya تَنَزَّهْتُ وَالنَّسِيمَ (aku bersiar-siar seiring dengan bayu). Partikel waw (وَ) dalam ayat di atas membawa makna pendampingan (الْمُصَاحِبَةُ). Ini adalah disebabkan bayu tidak boleh dijadikan gandingan kepada ganti nama (تُ) dalam melakukan kata kerja (تَنَزَّهَ). Bagi ayat yang berbunyi زُرْتُ جَدِّي وَجَدَّتِي (aku menziarahi datuk aku dan nenek aku). Partikel waw (وَ) dalam ayat di atas membawa makna gandingan (الْعَطْفُ). Oleh itu ayat tersebut boleh berbunyi sama ada زُرْتُ جَدِّي (aku menziarahi datuk aku) atau pun berbunyi زُرْتُ جَدَّتِي (aku menziarahi nenek aku).

4.3. Teori Agen Maf'ul Ma'ah

Ahli nahu berselisih pendapat tentang agen yang menasabkan maf'ul ma'ah.

(i) Ahli nahu Basrah berpendapat agen yang menasabkan maf'ul ma'ah ialah kata kerja yang datang sebelum daripada maf'ul ma'ah melalui perantaraan huruf waw (وَ).¹ Dalam ayat إِسْتَوَى الْمَاءُ وَالْحَشْبَةَ² (Paras air menyamai paras kayu yang menjadi pengukurnya). Kata nama (الْحَشْبَةَ) adalah maf'ul ma'ah yang dinasabkan oleh agennya iaitu kata kerja (إِسْتَوَى) melalui perantaraan huruf waw (وَ) yang datang sebelum الْحَشْبَةَ. Kata kerja (إِسْتَوَى) pada asalnya bukanlah kata kerja yang transitif (مُتَعَدِّ) tetapi berfungsi seperti kata kerja transitif setelah ia didahului oleh huruf waw (وَ).³ Bagi mereka oleh kerana partikel waw (وَ) boleh menyebabkan kata kerja tak transitif berfungsi seperti kata kerja transitif, maka kata kerja tersebut merupakan agen yang menasabkan maf'ul ma'ah.

¹ al-'Ukbariy, ms. 379.

² al-'Ukbariy, ms. 380.

³ al-Anbariy, Juz. 1, ms. 248

Walau bagaimanapun, mereka berpendapat kata kerja (إِسْتَوَى) tetap tak berfungsi sebagai kata kerja transitif tanpa di dahului oleh huruf waw (و).

Buktinya kita tidak boleh mengatakan إِسْتَوَى الْمَاءُ الْحَشْبَةَ¹ (Air menyamai kayu) iaitu dengan menasabkan kata nama (الْحَشْبَةَ) tanpa disertai oleh huruf waw (و). Dalam kes ini, mereka mengkiaskan kata kerja tak transitif boleh menjadi transitif seperti yang berlaku dalam bab pengecualian (الْإِسْتِثْنَاءُ).

Contohnya dalam ayat قَامَ الْقَوْمُ إِلَّا زَيْدًا² (Orang ramai berdiri kecuali Zayd). Kata nama (زَيْدًا) dimansubkan oleh kata kerja (قَامَ) dengan sebab wujudnya partikel (إِلَّا) di dalam ayat ini. Sebagai buktinya tidak boleh kita mengatakan قَامَ الْقَوْمُ زَيْدًا³ (Berdiri kaum tersebut Zayd) iaitu dengan menasabkan kata nama (زَيْدًا) tanpa disertai oleh partikel (إِلَّا).

¹ al-‘Ukbariy, ms. 380

² Ibid.

³ al-‘Ukbariy, ms. 381

(ii) Ahli nahu Kufah berpendapat agen yang menasabkan maf'ul ma'ah ialah faktor khilaf (الْخِلَافُ). Khilaf yang dimaksudkan di sini ialah perbezaan yang ketara dari segi ciri dua objek yang menjadi asas kepada pembinaan ayat. Dalam ayat إِسْتَوَى الْمَاءُ وَالْحَشْبَةَ¹ (Air menyamai kayu), kata nama (الْحَشْبَةَ) adalah maf'ul ma'ah yang dinasabkan berdasarkan terdapat khilaf di antaranya dengan kata nama (الْمَاءِ). Kedua-dua kata nama (الْحَشْبَةَ) dan (الْمَاءِ) berbeza dari segi cirinya. Iaitu kata nama (الْمَاءِ) adalah sentiasa sama dan lurus manakala kata nama (الْحَشْبَةَ) pula kadangkala lurus dan kadangkala pula adalah bengkok.

Untuk menguatkan hujah mereka dalam memperkatakan bahawa agen yang menasabkan maf'ul ma'ah ialah faktor khilaf, ahli nahu Kufah berpegang kepada ayat yang berbunyi زَيْدٌ خَلْفَكَ² (Zayd berada di belakang engkau). Mereka berpendapat kata keterangan tempat (خَلْفَ) dinasabkan kerana terdapat khilaf di antaranya dengan kata nama (زَيْدٌ). Yang mana

¹ al-Anbariy, Juz. 1, ms. 248

² Ibid.

kedua-duanya merupakan dua objek yang menjadi asas kepada pembinaan ayat berkenaan adalah berbeza dari segi cirinya.

(iii) Al-Zajjaj berpendapat agen yang menasabkan maf'ul ma'ah adalah kata kerja yang dibuang seperti مَا شَأْنُكَ وَزَيْدًا¹ (Apa keadaan engkau Zayd). Kata nama (زَيْدًا) dinasabkan oleh kata kerja yang dibuang iaitu kata kerja (تُلَابِسُ). Pada asalnya ayat ini berbunyi مَا شَأْنُكَ وَتُلَابِسُ زَيْدًا (Apa keadaan engkau dan engkau menyerupai Zayd). Al-Zajjaj berpendapat bahawa kata kerja tak transitif tidak boleh berfungsi sebagai kata kerja transitif walaupun disertai oleh huruf waw (وَ). Malah kata kerja tersebut tetap kekal berfungsi sebagai kata kerja tak transitif dan huruf waw (وَ) pula membawa makna gandingan (الْعَطْفُ).

Mereka bersandarkan kepada pendapat mereka yang mengatakan tidak boleh didahulukan huruf waw (وَ) daripada kata kerja. Sebagai

¹ al-'Ukbariy, ms. 381.

contohnya فُئْتُمْ¹ وَزَيْدًا (Aku dan Zayd berdiri). Dalam ayat ini didahulukan huruf waw (و) daripada kata kerja (فُئْتُمْ). Maka mereka berpendapat bahawa ayat ini adalah salah dari sudut tatabahasa Bahasa Arab. Sepatutnya ayat ini berbunyi فُئْتُمْ وَزَيْدًا (Aku dan Zayd sama-sama berdiri). Di atas asas inilah Al-Zajjaj berpendapat bahawa agen yang menasabkan maf'ul ma'ah adalah kata kerja yang dibuang iaitu kata kerja تُلَايَسُ.

(iv) Pada pendapat al-Akhfash pula, agen yang menasabkan maf'ul ma'ah ialah kata keterangan (مَعَ). Contohnya جِئْتُ مَعَهُ² (Aku datang bersama-samanya). Kata ganti nama (هُ) yang merupakan maf'ul ma'ah dinasabkan oleh kata keterangan مَعَ yang disebut sebelum darinya. Pada pendapat al-Akhfash seterusnya bahawa huruf waw (و) yang disebut sebelum dari kata nama yang berfungsi sebagai maf'ul ma'ah membawa erti kata keterangan مَعَ. Contohnya جَاءَ الْأَمِيرُ وَالْجَيْشُ³ (Raja datang dan semasa kedatangannya askar-askar berada sepanjang laluan baginda). Kata nama

¹ Ibid.

² al-Anbary, ms. 248.

³ al-Ra'iniy, ms. 364.

(الجَيْشِ) yang merupakan maf'ul ma'ah dinasabkan oleh kata keterangan (مَعَ).

Pada pendapat al-Akhfash bahawa ayat di atas boleh berbunyi جَاءَ الْأَمِيرُ مَعَ

الجَيْشِ (Raja datang bersama-sama dengan tentera). Di atas dasar inilah, pada

pandangan al-Akhfash bahawa maf'ul ma'ah iaitu kata nama (الجَيْشِ) di

dalam ayat yang berbunyi جَاءَ الْأَمِيرُ وَالْجَيْشِ (Raja datang dan semasa

ketibaannya askar-askar berada serta berbaris disepanjang laluan baginda)

dinasabkan oleh kata keterangan (مَعَ).

Penulis berpandangan, ahli nahu Kufah yang mengatakan agen yang menasabkan maf'ul ma'ah ialah faktor khilaf (الْخِلَافُ) tidak begitu kuat.

Sebagai buktinya apabila kita melihat serta meneliti tiga ayat yang berikut:

(i) مَا قَامَ زَيْدٌ لَكِنْ عَمْرُو¹ (Zayd tidak berdiri tetapi 'Amr)

(ii) مَرَرْتُ بِزَيْدٍ لَا عَمْرٍ² (Aku berjumpa dengan Zayd bukan 'Amr).

(iii) قَامَ زَيْدٌ لَا عَمْرُو¹ (Zayd yang berdiri bukan 'Amr).

¹ al-Anbariy, ms. 250; al-'Ukbariy, ms. 382.

² al-Anbariy, ms. 250

Kita dapati kata nama (زَيْدٌ) dan (عَمْرُو) yang merupakan dua objek yang menjadi asas kepada pembinaan ayat-ayat tersebut, walaupun terdapat khilaf pada kedua-dua kata nama tersebut, kata nama (عَمْرُو) dalam ayat pertama dan ketiga dirafa'kan, manakala kata nama (عَمْرُو) dalam ayat kedua pula dijarkan. Sekiranya faktor khilaf merupakan agen yang menasabkan maf'ul ma'ah sudah tentu kata nama (عَمْرُو) di dalam ketiga-tiga ayat di atas dinasabkan. Dari sini terbuktilah kepada kita bahawa pendapat ahli nahu Kufah tentang agen yang menasabkan maf'ul ma'ah adalah faktor khilaf adalah tidak kuat.

Seterusnya penulis berpandangan, pendapat al-Zajjaj yang mengatakan agen yang menasabkan maf'ul ma'ah adalah kata kerja yang dibuang juga tidak begitu kuat. Ini adalah disebabkan kata kerja yang menasabkan maf'ul ma'ah, melalui perantaraan partikel hendaklah jelas dan kata kerja tersebut hendaklah disebut di dalam ayat. Berikutnya adalah tidak logik sekiranya wujud fungsi atau pun kerja bagi kata kerja yang tidak disebut secara jelas di dalam ayat.

¹ al-Anbariy, ms. 250; al-'Ukbariy, ms. 382

Seterusnya penulis berpandangan, pendapat al-Akhfash yang mengatakan agen yang menasabkan maf'ul ma'ah ialah kata keterangan (مَع) juga tidak begitu kuat. Ini adalah disebabkan (مَع) adalah merupakan kata keterangan, sedangkan maf'ul ma'ah bukanlah terdiri dari kata keterangan.¹ Seterusnya maf'ul ma'ah tidak ada apa-apa kaitan pun dengan kata keterangan. Oleh itu tidak logiklah sekiranya dikatakan kata keterangan merupakan agen yang menasabkan maf'ul ma'ah.

Penulis bersependapat dengan ahli nahu Basrah yang berpandangan bahawa agen yang menasabkan maf'ul ma'ah adalah kata kerja yang datang sebelum daripada maf'ul ma'ah melalui perantaraan huruf (و) waw. Sokongan ini berdasarkan kepada tiga hujah.

(i) Kata nama dan partikel tidak beramal kecuali sekiranya kata nama tersebut mengandungi makna kata kerja. Mengikut ahli nahu Arab bahawa kata kerja sahaja yang beramal.

(ii) Kata kerja yang disebut di dalam ayat adalah lebih kuat beramal dari kata kerja yang ditakwilkan.²

¹ al-Anbariy, ms. 249.

² Ibid.

(iii) Walaupun kata kerja di dalam ayat إِسْتَوَى الْمَاءُ وَالْحَشَبَةَ (Paras air meningkat sehingga menyamai paras kayu yang menjadi pengukurnya). Pada asalnya kata kerja tak transitif tetapi ia telah bertukar menjadi transitif setelah kedatangan huruf waw (و) sebelum darinya.¹

4.4. Ciri-Ciri Maf'ul Ma'ah

Kata nama yang datang selepas dari huruf waw (و) mempunyai empat keadaan.²

(1) Kata nama tersebut merupakan gandingan (الْعَطْفُ) kepada kata nama yang datang sebelum huruf waw (و) dan pada ketika itu kata nama ini marfu'. Contohnya ³ بَالِغِ الرَّجُلِ وَالْإِبْنِ فِي الْحَفَاوَةِ بِالضَّيْفِ (Orang lelaki itu serta anaknya memberi layanan yang sangat istimewa kepada tetamu). Dalam ayat di atas kata nama (الْإِبْنِ) berfungsi sebagai gandingan kepada kata nama (الرَّجُلِ). Oleh itu kata nama (الْإِبْنِ) ini dibaca dengan marfu' sebagaimana

¹ al-Anbariy, ms. 248.

² Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 310.

³ Ibid.

kata nama (الرَّجُلُ). Atau harus juga bagi kata nama tersebut dibaca dengan mansub di atas dasar ia sebagai maf'ul ma'ah.

Sebagai contohnya¹ بِالْعِزِّ وَالرَّجُلِ وَالْإِبْنِ فِي الْحَفَاوَةِ بِالضَّيْفِ (Orang lelaki itu memberi layanan yang sangat istimewa kepada tetamu dan anaknyanya (mendampinginya semasa layanan tersebut diberi)). Dalam keadaan ini, adalah lebih baik kata nama (الِابْنِ) dibaca dengan marfu' di atas dasar ia sebagai gandingan kepada kata nama (الرَّجُلِ). Ini adalah disebabkan gandingan lebih mengukuhkan lagi hubungan perkongsian di antara kata nama (الرَّجُلِ) dan kata nama (الِابْنِ) di dalam melakukan kata nama (الْحَفَاوَةِ) yang mengandungi makna kata kerja (حَفَى يَحْفُو). Seterusnya tidak terdapat kecacatan atau sebarang kesilapan dari sudut tatabahasa Bahasa Arab apabila kata nama (الِابْنِ) ini dibaca marfu'.

(2) Kata nama tersebut harus dibaca dengan mansub sebagai maf'ul ma'ah. Contohnya جِئْتُ وَالْمُعَلِّمَ² (Aku datang (dan guru mendampingi ku

¹ Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 310

² Babsiy, Juz. 2, ms. 1046

semasa kedatanganku)). Kata nama (المُعَلِّم) dinasabkan di atas dasar sebagai maf'ul ma'ah. Atau harus bagi kata nama (المُعَلِّم) menjadi gandingan (الْعَطْفُ) kepada kata ganti nama (تُ). Maka pada ketika itu kata nama (المُعَلِّم) di rafu'kan. Sebagai contohnya جِئْتُ وَالْمُعَلِّم¹ (Aku datang bersama-sama dengan guru). Tetapi di dalam keadaan ini, lebih baik kata nama (المُعَلِّم) dinasabkan di atas dasar maf'ul ma'ah untuk mengelakkan kecacatan dari sudut lafaz. Mengikut pendapat ahli nahu, gandingan kata nama dengan kata ganti nama yang berhubung secara terus tanpa dipisahkan oleh perkataan lain akan mencetuskan gaya bahasa yang canggung serta lemah. Sekiranya hendak dijadikan kata nama (المُعَلِّم) ini sebagai gandingan kepada kata ganti nama yang berhubung (تُ) maka kata nama (المُعَلِّم) ini hendaklah dipisahkan dari kata ganti nama yang berhubung (تُ) dengan perkataan lain. Contohnya جِئْتُ أَنَا وَالْمُعَلِّم² (Aku sendiri yang datang bersama-sama dengan guru). Dalam ayat di atas, kata ganti nama (أَنَا) memisahkan kata ganti nama

¹ Babsiy, Juz. 2, ms. 1046

² Ibid.

berhubung (تُ) daripada kata nama (المُعَلِّم). Kata ganti nama terpisah (أَنَا) bertindak sebagai penguat kepada kata ganti nama yang berhubung (تُ) di dalam menyatakan bahawa ganti nama yang berhubung (تُ) adalah pelaku kepada kata kerja (جَاءَ) .

(3) Kata nama tersebut hendaklah menjadi gandingan (الْعَطْفُ) kepada kata nama yang datang sebelum dari huruf waw (و). Pada ketika itu kata nama tersebut marfu‘

(i) Keadaan ini boleh berlaku sekiranya kata kerja yang terdapat di dalam ayat tersebut di lakukan oleh lebih daripada seorang pelaku. Sebagai contohnya ¹ الْظَّالِمُ وَالْعَادِلُ (Orang yang adil saling bertelagah dan bermusuhan dengan orang yang zalim). Dalam ayat di atas, kata nama الْظَّالِمُ hendaklah digandingkan dengan kata nama الْعَادِلُ. Ini adalah disebabkan kata kerja اِخْتَصَمَ tidak boleh dilakukan oleh hanya seorang pelaku sahaja.

¹ Li. ‘Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 311.

Pelakunya yang pertama ialah kata nama الْعَادِلُ manakala pelakunya yang kedua pula ialah kata nama الظَّالِمُ.

(ii) Keadaan ini juga boleh berlaku, sekiranya jika tidak digandingkan di antara kata nama yang datang selepas daripada huruf waw

(و) dengan kata nama yang datang sebelum daripadanya akan membawa

kerusakan dari sudut makna. Sebagai contohnya ¹ جَاءَ مُحَمَّدٌ وَإِبْرَاهِيمُ قَبْلَهُ

(Muhammad dan Ibrahim sama-sama telah pun datang sebelum dari masa

ini). Kata nama إِبْرَاهِيمُ hendaklah dijadikan gandingan dengan kata nama

مُحَمَّدٌ. Kerosakan makna dalam ayat ini jika tidak dijadikan kata nama إِبْرَاهِيمُ

sebagai gandingan (الْعَطْفُ) kepada kata nama مُحَمَّدٌ adalah disebabkan

wujudnya kata nama keterangan masa قَبْلَهُ. Seterusnya apabila wujudnya

kata nama keterangan masa di dalam ayat tersebut, ini menunjukkan kepada

kita bahawa kata nama إِبْرَاهِيمُ yang datang selepas daripada huruf waw (و)

adalah merupakan perkara atau perkataan yang asas (عُمْدَةٌ) bagi

pembinaannya, dan bukan lagi merupakan perkataan sampingan (فُضْلَةٌ) bagi

¹ al-Diqr, ms. 457.

pembinaannya. Oleh itu **إِبْرَاهِيمُ** hendaklah dijadikan sebagai gandingan kepada kata nama **مُحَمَّدٌ**. Ini adalah disebabkan kata nama **مُحَمَّدٌ** selaku pelaku kepada kata kerja **جَاءَ**. Seterusnya mengikut tatabahasa Bahasa Arab pelaku kepada kata kerja adalah perkara asas (**عُمْدَةٌ**) bagi pembinaan ayat. Jadi apabila kata nama **إِبْرَاهِيمُ** dijadikan sebagai gandingan kepada kata nama **مُحَمَّدٌ** sekaligus menempatkan kata nama **إِبْرَاهِيمُ** di tempat yang sama dengan kata nama **مُحَمَّدٌ**. Oleh itu kata nama **إِبْرَاهِيمُ** tidak boleh berfungsi sebagai maf'ul ma'ah. Ini disebabkan maf'ul ma'ah bukanlah merupakan perkara yang asas (**عُمْدَةٌ**) bagi pembinaan sesuatu ayat malah ia merupakan perkara sampingan (**فُضْلَةٌ**) bagi pembinaan ayat.

(4) Kata nama tersebut hendaklah dibaca dengan mansub di atas dasar ia sebagai maf'ul ma'ah.

(i) Sekiranya jika dijadikan kata nama yang datang selepas daripada huruf waw (و) sebagai gandingan kepada kata nama yang datang

sebelum daripada huruf waw (و) akan membawa kecacatan dari sudut lafaz.

Sebagai contohnya نَظَرْتُ لَكَ وَطَائِرًا¹ (Aku melihat ke arah engkau (di samping burung di tempat yang engkau berada semasa aku melihat engkau)). Dalam ayat di atas, kata nama (طَائِرًا) berfungsi sebagai maf'ul ma'ah. Ia tidak boleh dijadikan sebagai gandingan kepada kata gantinama كَ. Ini adalah disebabkan pada kebiasaannya mengikut tatabahasa Bahasa Arab apabila digandingkan di antara kata nama dengan kata ganti nama yang didahului oleh partikel jar seperti لَ kata ganti nama tersebut serta partikel jar seperti (لَ) hendaklah disebut semula selepas daripada kata nama yang berfungsi sebagai gandingan kepadanya.²

(ii) Sekiranya jika dijadikan kata nama yang datang selepas daripada huruf waw (و) sebagai gandingan kepada kata nama yang datang sebelum daripada huruf waw (و) akan membawa kecacatan dari sudut

¹ Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 312; Babtiy, Juz. 2, ms. 1047.

² Ibid.

makna. Sebagai contohnya مَشَى الْمَسَافِرُ وَالصَّحْرَاءُ¹ (Perantau itu berjalan di persisiran padang pasir). Dalam ayat di atas, kata nama الصَّحْرَاءُ berfungsi sebagai maf'ul ma'ah dan dibaca dengan mansub. Ia tidak boleh dijadikan sebagai gandingan (الْعَطْفُ) kepada kata nama الْمَسَافِرُ. Sekiranya dijadikan kata nama الصَّحْرَاءُ sebagai gandingan kepada kata nama الْمَسَافِرُ ia akan difahami seperti berikut مَشَتْ الصَّحْرَاءُ² (Padang pasir berjalan). Oleh itu ia akan membawa kerosakan dari sudut makna. Ini adalah disebabkan dari sudut realitinya padang pasir memang tidak boleh berjalan.

4.5. Kesimpulan.

Ahli nahu berselisih pendapat tentang agen yang menasabkan maf'ul ma'ah. Mereka mempertahankan pendapat-pendapat mereka dengan mengemukakan hujah-hujah tersendiri. Ahli nahu Basrah berpendapat agen yang menasabkan maf'ul ma'ah ialah kata kerja yang datang sebelum daripada maf'ul ma'ah melalui perantaraan huruf waw (وَ). Ahli nahu Kufah berpendapat agen yang menasabkan maf'ul ma'ah ialah faktor khilaf

¹ Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 312.

² Ibid.

(الْخِلَافُ). Al-Zajjaj berpendapat agen yang menasabkan maf'ul ma'ah adalah kata kerja yang dibuang. Al-Akhfasy pula berpendapat agen yang menasabkan maf'ul ma'ah ialah kata keterangan (مَع).

Maf'ul ma'ah terbahagi kepada empat keadaan. Pertama lebih baik dibaca dengan marfu' di atas dasar gandingan kepada kata nama yang datang sebelum darinya. Kedua lebih baik dibaca dengan mansub di atas dasar maf'ul ma'ah. Ketiga hanya dibaca dengan marfu' di atas dasar gandingan kepada kata nama yang sebelum darinya. Keempat hanya dibaca dengan mansub di atas dasar maf'ul ma'ah. Dari sudut semantik didapati huruf waw (وَ) di dalam maf'ul ma'ah membawa makna sama ada pendampingan (الْمُصَاحِبَةُ) ataupun gandingan (الْعَطْفُ).